

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
[ BELURAN ]**

**TARIKH** : **14 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah kenyataan oleh Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina yang mengesahkan semula tuntutan negara tersebut ke atas Sabah memberikan kesan terhadap hubungan dua hala Malaysia dengan Filipina dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung berlakunya tuntutan-tuntutan tidak berasas seperti ini dari terus berlaku.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti yang telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini sebelum ini, Kerajaan Malaysia menolak sekeras-kerasnya apa-apa kenyataan oleh mana-mana pihak berhubung tuntutan ke atas Sabah. Malaysia telah menegaskan bahawa kita tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang bentuk tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah, kerana Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia.

3. Fakta ini sudah lama diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) serta komuniti antarabangsa sejak pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Kerajaan Malaysia juga bersedia untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mencemar kedaulatan negara ini.

4. Setiap kali isu ini dibangkitkan, Kementerian Luar Negeri terus mengambil tindakan tegas mempertahankan kedaulatan negara termasuklah memanggil TYT Duta Besar Filipina dan mengemukakan nota bantahan bagi menzahirkan bantahan rasmi Kerajaan. Selain itu, Kementerian Luar Negeri juga telah membuat kenyataan akhbar bagi menegaskan pendirian Kerajaan Malaysia yang menolak sekeras-kerasnya sebarang kenyataan mengenai tuntutan ke atas Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Malaysia juga telah mengingatkan pihak-pihak yang terlibat bahawa kecederungan menimbulkan isu ini berpotensi untuk menjejaskan hubungan dua hala yang baik dan menguntungkan yang dinikmati antara Malaysia dan Filipina. Walau bagaimanapun, Malaysia tetap menghargai hubungan dengan Filipina sebagai negara jiran dan rakan anggota ASEAN, di samping rakan anggota lain-lain organisasi serantau dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.